

10/05/2004

Kes selak kain: Ahli Pas kena bela diri

By Johari Ibrahim

ALOR STAR: Mahkamah Tinggi di sini semalam mengetepikan keputusan Mahkamah Majistret melepas dan membebaskan seorang ahli Pas yang dituduh menyelak kain sarung dan menunjukkan kemaluan kepada ahli Puteri Umno ketika pilihan raya kecil Dewan Undangan Anak Bukit pada Julai 2002.

Hakim Datuk Zainal Adzam Abd Ghani, berkata mahkamah membenarkan rayuan pendakwa raya dan Abdul Razak Abas, 57, perlu dipanggil membela diri di Mahkamah Majistret pada tarikh yang akan ditetapkan.

Ketika membacakan penghakimannya, Zainal Adzam berkata, mahkamah mendapati pendakwa raya mempunyai kes prima facie dalam permohonan rayuannya.

Bagaimanapun, katanya, beliau akan memberikan alasan penghakiman berhubung keputusannya kemudian.

Pada 26 Disember 2002, Majistret Mohd Redzuan Abdullah, membebaskan Abdul Razak yang berasal dari Kampung Banggol Kulim, Rantau Panjang, Kelantan, daripada tuduhan mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Abdul Razak dituduh menyelak kain sarung dan menunjukkan kemaluannya dengan niat untuk menghina kehormatan Ahli Puteri Umno, Yusnita Romli, 27, di rumah tidak bernombor di Pondok Chegar, Anak Bukit di sini, pada jam 6.25 petang, 11 Julai 2002.

Berikutan itu, pendakwa raya memfailkan notis rayuan di Mahkamah Tinggi pada hari yang sama memohon keputusan Mahkamah Majistret itu diketepikan.

Abdul Razak turut hadir di Mahkamah Tinggi semalam dengan berpakaian sut berwarna hitam dan memakai ketayap.

Perayu diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya B Sarala Pillai manakala responden diwakili Jagdeep Singh Deo dari Tetuan Karpal Singh & Co.

Abdul Razak pernah bertanding atas tiket Pas bagi Parlimen Gua Musang, Kelantan dalam Pilihan Raya Umum 1999 tetapi tewas kepada calon Barisan Nasional (BN), Tengku Razaleigh Hamzah.

Sementara itu, Zainal Adzam juga semalam menolak permohonan peguam Karpal Singh yang mewakili Abdul Razak untuk mengenakan tindakan notis tunjuk sebab menghina mahkamah terhadap Ketua Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said dan empat yang lain kerana didakwa membuat kenyataan dalam media massa ketika kes masih berlangsung, ketika itu.

Empat yang lain ialah Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri (ketika itu), Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (ketika itu), Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Ketua Umno Kelantan, Datuk Mustapha Mohamad.

(END)